

Konseptualisasi Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut Al-Quran [Conceptualization of Politeness Practice According to Al-Quran]

Ku Zaimah Che Ali*
Mardzelah Makhsin

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, 06010
Sintok, Kedah, Malaysia

*Corresponding author: kuzaimahcheali@gmail.com

Received Date: 21 October 2018

Accepted Date: 28 January 2019

Abstract

This paper was discussed on the practicing concept of interpretation forming of politeness according to al-Quran. The discussion was based on the method of Tafsir Thematic. The Quranic verses were used to interpret practising concept of politeness speaking in order to announce this concept equivalent with western and east scholars. This effort was started due to previous research in which the practising concept of politeness speaking among Muslim community basically based on western scholar. Therefore this study was done because of the deficiency and lacking concept introduced by western. Therefore, the research via Quranic verses showed that, the practising concept of politeness already advocated by Islam a long time ago. In fact, in Islam it provides comprehensive practise of politeness through Quranic verses compared to western concept.

Keywords: *Politeness, Tafsir, Thematic, the analysis, contents of al-Quran*

Abstrak

Kertas ini membincangkan interpretasi pembentukan konsep amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran. Perbincangan konsep adalah menggunakan kaedah tafsir tematik. Ayat-ayat al-Quran disingkap bagi menghasilkan interpretasi terhadap konsep amalan kesantunan berbahasa. Singkapan ini juga bertujuan untuk mengetengahkan konsep amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran setara dengan konsep-konsep amalan kesantunan berbahasa yang dikemukakan oleh para sarjana Timur dan Barat. Usaha ini juga bertitik tolak daripada penelitian bahawa kebanyakan kajian sebelum ini yang berkaitan amalan kesantunan berbahasa terutamanya yang melibatkan masyarakat Islam didasarkan kepada idea atau konsep yang dipelopori oleh sarjana Barat. Kekurangan dan kelompongan dalam konsep yang dikemukakan oleh sarjana Barat mendorong penelitian ini dilakukan. Dapatan penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran menjelaskan bahawa amalan

kesantunan berbahasa adalah satu nilai yang telah lama dianjurkan oleh Islam seusia kedatangannya. Malah Islam melalui ayat-ayat al-Quran telah menggariskan panduan konsep amalan kesantunan berbahasa yang lengkap mendahului semua konsep yang diperkenalkan oleh para sarjana Barat.

Kata kunci: Kesantunan Berbahasa, tafsir tematik, kandungan al-Quran

Pendahuluan

Kesantunan ditakrifkan sebagai “halus (berbudi bahasa atau budi pekerti), beradab, sopan atau “sifat kehalusan budi bahasa atau budi pekerti dan kesopanan (Awang Sariyan, 2007). Kesantunan juga bermaksud penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi yang mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicaranya” (Awang Sariyan, 2007). Amalan kesantunan berbahasa ialah suatu nilai murni yang terdapat dalam semua masyarakat sama ada masyarakat di Timur mahu pun di Barat (Marlyna et al, 2012). Amalan kesantunan berbahasa dan pembangunan sesebuah masyarakat (Asmah, 2007). Ketamadunan sesebuah masyarakat tidak hanya diukur melalui pembangunan fizikal malahan ketinggian budi bahasa dan sopan santun menjadi penanda aras kemajuan sesebuah masyarakat (Awang Sariyan, 2009, Sara Beden, 2016). Perkembangan pemikiran sesebuah masyarakat dapat dilihat melalui ketinggian budi bahasanya (Hamka, 2003). Semakin tinggi nilai budi bahasa sesuatu masyarakat semakin tinggi tahap pemikirannya (Awang Sariyan, 2007). Demikian juga, dengan masyarakat Melayu di Malaysia. Hashim (2012) membuktikan dengan kajiannya bahawa masyarakat Melayu sangat menitikberatkan budi pekerti dan kesopanan sehingga dengan budi bahasa masyarakat Melayu terkenal di seluruh dunia. Kesantunan bahasa yang diamalkan dalam masyarakat Melayu adalah pengaruh daripada pegangan terhadap agama Islam.

Pernyataan Masalah

Di Malaysia sendiri, negara yang mempunyai berbilang bangsa dan anutan agama, amalan kesantunan berbahasa menjadi suatu nilai yang dikongsi bersama. Semua bangsa iaitu Melayu, Cina, India, Kadazan, Siam dan sebagainya sangat menitikberatkan nilai kesantunan berbahasa (Kuang, et al, 2013). Amalan kesantunan berbahasa memainkan peranan yang penting dalam menyatupadukan semua bangsa. Masyarakat sama ada di Barat mahupun di Timur sangat menitikberatkan amalan kesantunan berbahasa hingga mendorong kajian-kajian tentang kesantunan berbahasa dilakukan. Kini, kajian mengenai kesantunan berbahasa menjadi semakin diminati oleh ramai ahli sosiolinguistik (Noriati, 2012). Kajian-kajian yang dilakukan memberikan impak yang baik apabila memaparkan keindahan kehidupan masyarakat manusia yang sentiasa berusaha memnuhi tuntutan

sosial dengan membina perwatakan dan perlakuan yang baik sehingga mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan dalam masyarakat. Usaha ini memupuk sikap saling hormat-menghormati dan saling menghargai walaupun berbeza bangsa, agama dan negara. Kajian tentang kesantunan berbahasa telah dimulakan dengan kesantunan bahasa Jerman oleh Schuler pada tahun 1950 (Noriati, 2012). Kajian ini diikuti oleh Goffman pada tahun 1955 yang menulis tentang Konsep air Muka. Goffman (1967) telah mengemukakan Konsep Air Muka sebagai intepretasi terhadap teori kesantunan berbahasa dalam interaksi sosial. Grice (1975) pula memperkenalkan Prinsip Kerjasama dengan beberapa maksim perbualan sebagai teori yang mengukur nilai dan tahap kesantunan berbahasa.

Leech (1983) memperbaharui teori Grice dengan memperkenalkan Prinsip Kesantunan Leech. Sementara Brown dan Levinson (1987) turut mengemukakan Teori Kesantunan dalam usaha mempertahankan ancaman air muka dalam interaksi sosial. Walau bagaimanapun, Matsumoto (1988,1989). Fraser (1990) telah mengkritik Teori Kesantunan Brown dan Levinson dengan memperkenalkan konsep *the social-norm view* dan *the conversational contract view*, iaitu kontrak perbualan. Watts (2003) turut menyarankan pemisahan pemerhatian kesantunan sebagai *politic behavior* atau *second order politeness* dengan kesantunan sebagai *polite behavior* atau *first-order behavior*. Saranan Watts ini telah mendorong Miriam Locher (2004, 2006,2008) mengemukakan pendekatan *relational* yang mengembangkan Konsep Air Muka Goffman (1967) kepada konsepsi identiti, kerangka, komuniti pengguna dan norma serta andaian tentang sesuatu perlakuan. Pendekatan *relational* ini adalah suatu usaha bagi membentuk suatu teori atau model yang universal yang dapat mewakili kesantunan sejagat. Kajian dan penulisan tentang kesantunan berbahasa berkembang bukan sahaja dalam kalangan ahli linguistik di Barat bahkan turut menjadi tarikan sarjana sosiolinguistik di China, Jepun, Arab, Thailand dan Jawa (Noriati, 2012). Gu (1990) dan Matsumoto (1988), merupakan antara sarjana yang turut mengemukakan strategi kesantunan berbahasa setelah membincangkan Konsep Air Muka Brown dan Levinson. Jika Brown dan Levinson (1987) mengutamakan penjagaan air muka dalam interaksi sosial sebagai maruah individu, maka Gu dan Matsumoto mengemukakan konsep menjaga air muka sebagai identiti masyarakat. Ini kerana masyarakat di Jepun lebih mengutamakan kedudukan dalam hubungan sosial daripada mempertahankan hak individu (Noriati, 2012).

Di Malaysia, Asmah turut menganjurkan amalan kesantunan berbahasa dengan meletakkan dua strategi yang boleh diamalkan iaitu strategi berkendala dan strategi tidak berkendala (Asmah, 2007; Rohaidah, 2013) dan lain-lain. Konsep, prinsip dan strategi yang sedia ada telah dijadikan asas dan dasar kajian oleh kebanyakan sarjana yang membuat penyelidikan tentang amalan kesantunan berbahasa. Penyelidikan yang dilakukan ini termasuklah kajian yang berkisar tentang amalan kesantunan berbahasa dalam masyarakat Islam (Marlyna, 2012). Contohnya kajian yang dilakukan oleh Ramlee (1999) yang mengkaji implikatur perbualan dalam bahasa Arab. Ramlee menggunakan Prinsip Kerjasama Grice (1975) untuk menganalisis konsep kerjasama dalam pertuturan bahasa Arab di Maktab

Pengajian Islam di Kota Bharu. Noriati (2005) menggunakan Model Kerjasama Grice dalam kajiannya bagi satu majlis peminangan masyarakat Islam di Malaysia. Zena (2012) ketika menganalisis strategi kesantunan berbahasa 18 email yang dihantar kepada pensyarah penyelia oleh enam orang pelajar pascasiswazah telah menggunakan Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987). Arina (2016) telah melakukan kajian terhadap bual bicara dalam radio IKIM yang bertajuk *Celik Mata Reset Minda Orang yang Tenang*. Kajian ini telah mengaplikasikan Model Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dan Prinsip Kerjasama Grice (1975) bagi membentuk Model Pola Kombinasi Strategi dan Maksim. Walaupun telah banyak teori, konsep dan strategi kesantunan berbahasa dikemukakan oleh pelbagai sarjana linguistik dan pragmatik sama ada di Barat mahu pun di Timur, namun Marlyna (2012) ketika mengupas terminologi terhadap pembentukan teori dan konsep amalan kesantunan berbahasa menyatakan bahawa sehingga kini para ahli sosiolinguistik dan sosiopragmatik masih berusaha mencari sesuatu yang dapat diterima sebagai teori sejagat. Terdapat beberapa kelompangan dalam konsep dan prinsip yang dikemukakan oleh sarjana Barat untuk mengkaji nilai amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan masyarakat Islam. Contohnya dalam konsep dan prinsip yang dikemukakan oleh sarjana Barat seperti konsep muka yang diketengahkan oleh Goffman (1963), Brown dan Levinson (1987). Konsep muka yang dikemukakan oleh mereka hanyalah kerana bagi menjaga maruah seseorang ketika berkomunikasi, namun nilai aqidah tidak dikaitkan dalam amalan kesantunan berbahasa, sedangkan dalam Islam, aqidah merupakan teras amalan. Kesantunan berbahasa diamalkan dalam Islam adalah kerana kepercayaan seseorang dengan aqidah Islam (Munif, 2012).

Strategi dan teori yang dikemukakan oleh sarjana Barat dan Timur tidak mengetengahkan unsur-unsur keimanan sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam kepada setiap umatnya. Islam sentiasa mengingatkan umatnya supaya setiap perbuatan dan perkataan dilakukan adalah disandarkan kepada keimanan kepada Tuhan, keimanan kepada Rasul, keimanan kepada al-Quran, keimanan kepada para Malaikat, keimanan kepada hari Kiamat dan keimanan kepada Qada` dan Qadar. Jika strategi dan teori kesantunan yang dikemukakan oleh sarjana Barat dan Timur memperjuangkan hak individu dan menghormati maruah masyarakat, Islam dengan jelas menganjurkan niat mengamalkan kesantunan berbahasa itu sebagai dakwah kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Islam turut meletakkan keikhlasan dalam beramal sebagai syarat mendapat pahala di sisi Allah selain umatnya perlu berpegang bahawa amalan ini akan dikira sebagai amal soleh. Unsur-unsur keimanan, ketuhanan, kepercayaan, amal soleh, pahala dan dosa dan lain-lainnya menyebabkan anjuran supaya beramal dengan kesantunan berbahasa dalam Islam berbeza dengan teori dan strategi yang dikemukakan oleh sarjana Barat dan Timur. Anjuran melazimi amalan kesantunan berbahasa dalam Islam mempunyai sumber dan sandaran yang kukuh iaitu keimanan kepada Allah, berbeza dengan teori dan strategi yang dicipta oleh sarjana Barat dan Timur yang didasarkan kepada penelitian, pemerhatian dan penyelidikan manusiawi. Justeru, tulisan ini cuba menyingkap konsep amalan

kesantunan berbahasa yang dianjurkan dalam Islam menerusi kaedah tafsir tematik terhadap ayat-ayat al-Quran.

Objektif Kajian

Menerusi kaedah tafsir tematik, kajian ini memfokuskan kepada pemerhatian terhadap ayat-ayat al-Quran yang terpilih yang berkaitan dengan konsep amalan kesantunan berbahasa. Hasil daripada pemilihan ayat-ayat tersebut, subtema konsep amalan kesantunan berbahasa dikenalpasti dan disusun. Seterusnya tema-tema yang dikenalpasti dibentuk menjadi model konsep amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran.

Sorotan Karya

Sebagai agama yang sempurna dan lengkap, Islam telah lama menganjurkan amalan kesantunan berbahasa. Istilah kesantunan berbahasa atau 'politeness' dalam bahasa Inggeris belum ditemukan sinonimnya secara tepat dalam bahasa Arab (sehingga kajian ini ditulis). Ini mungkin disebabkan kajian berkenaan kesantunan berbahasa dalam versi moden belum diketengahkan walaupun hakikat sebenarnya konsep dan kesantunan berbahasa telah lama dibincangkan dalam Islam seawal usia penurunan wahyu dan perutusan Nabi Muhammad SAW. Firman Allah SWT dalam ayat 83, surah al-Baqarah (2:83) yang bermaksud:

Dan ingatlah wahai Muhammad, ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil dengan berfirman: "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, serta orang-orang miskin; dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat". Kemudian kamu berpaling membelakangkan (perjanjian setia kamu itu) kecuali sebahagian kecil dari kamu; dan sememangnya kamu orang-orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya.

Dalam ayat di atas, terdapat beberapa perkara yang disebut oleh Allah SWT sebagai syarat perjanjian kepada Bani Israil iaitu kaum Nabi Musa. Antaranya ialah perintah supaya mengucapkan kata-kata yang baik apabila berbicara sesama manusia. Ini menunjukkan anjuran supaya bersikap sopan santun ketika berurusan sesama manusia telah lama dianjurkan oleh Islam iaitu pada zaman Nabi Musa a.s lagi. Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl, ayat 125 (16:125):

Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau

serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Dewasa ini, terdapat beberapa orang sarjana Islam yang telah mengemukakan tulisan mereka tentang kesantunan berbahasa menurut kaca mata Islam. Al Qahtani (2005) dalam bukunya *Daei Yang Sukses* menjelaskan bahawa definisi kesantunan disandarkan kepada penggunaan kalimah 'halim' yang terdapat dalam al-Quran. Beliau menyamakan makna kesantunan dengan kearifan yang merujuk kepada kalimah 'halim'. Kalimah 'halim' dirujuk dalam kamus Arab memberi makna tenang, perlahan ketika marah atau ketika menghadapi suasana yang tidak menyenangkan. Situasi marah ini diatasi dengan memaksimumkan sifat sabar dan memaafkan. Pendapat ini disokong oleh Nafron Hasjim (2013) dalam tulisannya *Kesantunan Berbahasa Dalam Islam*. Kalimah 'halim' tersebut digunakan di beberapa tempat dalam al-Quran, antaranya ialah dalam ayat 114, surah al-Taubah (9:114):

Dan bukanlah istighfar Nabi Ibrahim bagi bapanya (dibuat) melainkan kerana adanya janji yang dijanjikan kepadanya; dan apabila ternyata kepada Nabi Ibrahim bahawa bapanya musuh bagi Allah, ia pun berlepas diri daripadanya. Sesungguhnya Nabi Ibrahim itu lembut hati lagi penyabar.

Perkataan 'halim' yang bermaksud santun juga terdapat dalam ayat 155 surah Ali 'Imran (3:155):

Bahawasanya orang-orang yang telah berpaling (melarikan diri) di antara kamu pada hari bertemu dua angkatan tentera (Islam dan kafir dalam perang Uhud) itu, sesungguhnya mereka telah digelincirkan oleh syaitan dengan sebab sebahagian dari perbuatan-perbuatan (yang salah) yang mereka telah lakukan (pada masa yang lalu) dan demi sesungguhnya Allah telah memaafkan mereka, kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyabar.

Perkataan yang sama ditemui dalam ayat 59 surah al-Hajj(22:59) :

Sudah tentu Allah akan memasukkan mereka (yang tersebut itu) ke tempat yang mereka sukai (syurga), dan sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyabar.

Al-Ghazali (1997) menterjemahkan perkataan al-Halim yang merupakan salah satu nama Allah Al-Husna sebagai Yang Maha Murah Hati. Sifat kemurahan hati ini dibuktikan dengan sifat pengasih Allah pada semua hambanya. Walaupun seorang hamba melakukan maksiat, namun Allah tidak terus menghukumnya sehingga diberi peluang untuk dia bertaubat (Mahmud, 2009). Al-Ghazali (1997) menyatakan bahawa lemah lembut adalah

sifat terpuji dan bertentangan dengan kekerasan dan kekejaman yang lahir daripada kemarahan dan ketidaksopanan. Lembut lembut adalah hasil dari akhlak yang baik yang menunjukkan kedamaian dan ketenteraman. Nafron Hasjim (2013) berpendapat jika perkataan santun itu diertikan dengan makna lembut, maka terdapat beberapa hadis yang menggunakan perkataan tersebut, iaitu **al-rifq**. Perkataan ini banyak digunakan dalam hadis yang diterjemahkan sebagai kelembutan atau kesantunan. Aisyah r.a. berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya Allah itu Maha lembut dan menyukai kelembutan dalam segala hal.” (5678: Sahih Bukhar).

Namun Mahmud Al-Mishri (2009) menterjemahkan perkataan **al-rifq** sebagai kesepakatan dan pendekatan tanpa menggunakan kekerasan. Beliau menyandarkan pendapat kepada pandangan Ibnu Faris yang menyebut bahawa secara etimologi, perkataan lemah lembut ialah lawan kepada perkataan kasar, namun secara terminologi, perkataan **al-rifq** membawa makna kelembutan dalam tutur kata dan perbuatan serta membalas perbuatan orang lain dengan balasan yang paling ringan. Syeikh Abdurrahman bin Nashir as-Sa'di menyatakan bahawa perkataan al-Rafiq adalah salah satu nama Allah SWT yang bererti Maha Santun dalam perbuatan dan syariatnya. Allah SWT sangat mencintai hambanya yang mengamalkan kesantunan. Allah SWT mentadbir seluruh alam ini dengan sifatnya yang Maha Santun (Mahmud (2009). Aisyah r.a. berkata bahwa Nabi SAW bersabda:

“Sesungguhnya, sifat lemah lembut itu, bila berada pada sesuatu, pasti menghiasinya, dan lepas dari sesuatu, pasti memperburuknya” (4704: Sahih Muslim)

Rasulullah SAW juga bersabda:

“Seorang mukmin itu seperti seekor lebah yang memakan makanan yang baik dan menghasilkan produk yang baik, jika dia hingga pada satu ranting, dia tidak akan mematahkannya” (247: Sahih Ibnu Habban)

Sabda Rasulullah SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh Sayyidatina Aishah r.a:

“Sesungguhnya Allah SWT itu Maha Santun, menyukai kesantunan. Dia memberi pada kesantunan sesuatu yang tidak diberikan pada kekerasan dan tidak pula pada yang lainnya” (4704: Sahih Muslim)

Sayyidatina Aishah juga meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

“Sesiapa yang menjauhkan dirinya dari kesantunan, maka ia seperti menjauhkan dirinya dari kebaikan” (2592: Sahih Muslim).

Rasulullah SAW juga pernah berkata kepada Sayyidatina Aishah r.a:

“Wahai Aishah! Bersopan santunlah, sesungguhnya apabila Allah menghendaki kebaikan dalam sebuah keluarga, Dia memasukkan kesantunan ke dalam jiwa mereka” (24174: Musnad Imam Hanbal).

H. Sofyan Sauri (2003) menyebut bahawa perkataan santun adalah berkaitan dengan akhlak. Akhlak dari segi bahasa sebagai adalah ciptaan atau apa yang tercipta, lahir dan terhasil dari perilaku manusia. Sumber kepada akhlak ini adalah datang dari Pencipta, Allah tetapi kesantunan itu perilaku manusia. Santun merupakan sesuatu yang dipandang baik oleh manusia tetapi belum tentu dipandang baik oleh Allah. Namun akhlak dipandang baik oleh manusia dan dipandang baik oleh Allah. Beliau mengaitkan keadaan ini dengan istilah *'urf* yang melambangkan suatu perkara baik yang telah menjadi budaya dalam sesuatu masyarakat. Contohnya amalan kesantunan ketika berkomunikasi. Munif (2012) telah menggunakan pendekatan *ahsanul qaul* yang diaplikasi dari ayat 33 surah Fussilat bagi menganalisis wacana prinsip kesantunan berbahasa dalam al-Quran dan Hadis. Menurut Munif (2012) pendekatan *ahsanul qaul* mengusulkan kesantunan berbahasa sebagai amal soleh. Munif (2012) membahagikan pendekatan analisis wacana prinsip kesantunan berbahasa kepada tiga bahagian. Pertama, matlamat. Kedua, bentuk dan ketiga cara. Pandangan Munif dalam tulisannya mendorong penulis memperincikan konsep kesantunan berbahasa yang dapat diimplementasikan daripada singkapan ayat-ayat al-Quran mengikut tafsir tematik supaya dapat diketengahkan dalam perbincangan yang lebih luas.

Islam juga telah lama menggariskan panduan dan menetapkan prinsip-prinsip asas dalam mengamalkan kesantunan berbahasa (Munif, 2012). Cuma konsep, prinsip dan strategi amalan kesantunan berbahasa menurut kacamata Islam kurang diketengahkan dalam bentuk penerbitan sehingga memungkinkan konsep, prinsip dan strategi ini dapat dijadikan asas dan dasar kajian berkaitan. Mohd Nazeli (2009) mengeluarkan sepuluh prinsip utama kesantunan berbahasa hasil penelitian beliau terhadap ayat-ayat suci al-Quran. Prinsip yang pertama ialah prinsip yang dikaitkan dengan dua peranan utama penciptaan manusia iaitu menyuruh berbuat kebaikan dan melarang dari berbuat kemungkaran. Prinsip kedua ialah prinsip kebertanggungjawaban manusia menjaga lidah. Prinsip ketiga yang dikemukakan oleh Mohd Nazeli ialah berbicara dengan lembut. Prinsip keempat ialah larangan mengeluarkan perkataan yang buruk. Allah SWT melarang manusia daripada berbicara dengan tutur kata yang buruk seperti menghina, mencaci, mengejek, mencarut, mengeluarkan kata-kata yang kesat dan sebagainya. Prinsip kelima yang dinyatakan oleh Mohd Nazeli ialah prinsip memaafkan. Prinsip memaafkan merupakan strategi komunikasi yang melambangkan peribadi luhur seseorang Prinsip keenam ialah berhikmah. Berhikmah ketika bertutur adalah lambang kepada kebijaksanaan. Prinsip ketujuh ialah kecerahan dan kejelasan. Prinsip kesantunan berbahasa yang kelapan

menurut Mohd Nazeli ialah menggunakan bahasa yang sesuai dan baik. Prinsip kesembilan ialah nada yang terkawal dan sesuai. Prinsip kesepuluh ialah pengucapan salam.

Justeru, usaha untuk meneliti dan menyelidik serta mengetengahkan konsep, prinsip dan strategi nilai ini dalam Islam sangat diperlukan dari kalangan sarjana muslim. Firman Allah SWT dalam ayat 44 surah al-Nahl yang bermaksud:

“Kami turunkan kepadamu Al Quran, agar kamu menerangkan pada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka supaya mereka memikirkan” (44:16).

Usaha untuk mengetengahkan konsep dan nilai mengikut analisis kandungan ayat-ayat al-Quran boleh dilakukan dengan menggunakan kaedah tafsir tematik. Tafsir tematik ialah gabungan perkataan tafsir dan tematik yang sama maksudnya dengan tafsir mawdu'iy. Muslim (1997) mendefinisikan tafsir tematik sebagai ilmu yang mengkaji tentang sesuatu isu atau masalah berdasarkan tujuan-tujuan. Ia boleh dilakukan dengan menghimpunkan ayat-ayat al-Quran mengikut surah-surah tertentu atau pelbagai surah yang berkaitan dengan isu tersebut. Al-Khalidiy (2001) menggambarkan tafsir tematik sebagai ilmu yang mengkaji tentang sesuatu tema berdasarkan ayat-ayat al-Quran. Al-Farmawiy (1977) dan al-Ma'iy (1983) menjelaskan tafsir tematik ialah kaedah pengkajian atau pentafsiran al-Quran yang dilakukan dengan mengumpul ayat-ayat yang berkaitan dengan sesuatu tema yang dikaji. Kemudian disusun berdasarkan urutan penurunannya dan hubungan dan kesesuaian sesuatu ayat dengan ayat yang lain sebelum ditafsirkan dan dianalisis berdasarkan kaedah tafsir yang diiktiraf. Makalah ini ditulis dengan beberapa tujuan. Pertama, bagi mengenal pasti ayat-ayat al-Quran yang berkait dengan tema konsep kesantunan berbahasa. Kedua, untuk menganalisis ayat-ayat al-Quran yang mempunyai subtema yang sama. Ketiga, untuk mengumpulkan subtema yang sama bagi membentuk konsep kesantunan berbahasa. Kesemua langkah bagi mencapai tujuan makalah ini dilakukan dengan menggunakan kaedah tafsir tematik.

Metodologi

Kajian ini merupakan penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran. Justeru, kajian ini menggunakan kaedah Tafsir Tematik atau disebut juga sebagai *Tahlil Mawdu'ii*. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan dua peringkat analisis Tafsir Tematik. Pada peringkat pertama, tema amalan kesantunan berbahasa dijadikan asas untuk menganalisis dan mengeluarkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan. Untuk menentukan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan amalan kesantunan berbahasa, penyelidik terlebih dahulu merujuk kepada buku-buku berkaitan akhlak yang dikarang oleh Abu Bakar al-Jaza'iriy (2008), Hamka (2003), Mahmud al-Mishriy (2009), al-Ghazaliy (1997), al-Siddiqiy al-Shafeiy (1994) dan sebagainya. Di samping itu, penyelidik menggunakan perisian komputer bagi mencari secara pantas ayat-ayat berkenaan. Gabungan teknik pengumpulan ayat-ayat ini

dikukuhkan melalui penelitian ayat demi ayat di dalam al-Quran. Seterusnya, penyelidik mengumpulkan ayat-ayat berkaitan dan menyenaraikannya untuk dianalisis pada peringkat berikutnya. Pada peringkat kedua, ayat-ayat al-Quran yang telah dikeluarkan dianalisis dan dikelompokkan mengikut subtema. Penyelidik merujuk kepada buku-buku tafsir al-Quran untuk mendapatkan interpretasi terhadap ayat-ayat yang dianalisis. Buku-buku tafsir tersebut merangkumi Tafsir al-Munir, karangan al-Zuhailiy (1991), Tafsir al-Qurtubiy karangan Imam al-Qurtubiy (1993), Tafsir fi Zilal al-Quran karangan Jalaluddin al-Suyuthi (1993), Tafsir al-Quran al-'Azim karangan Ibnu Kathir (1999), Tafsir al-Tabariy karangan Ibnu Jabir Al-Tabariy (2000), Tafsir al-Sa'diy (2002) dan Tafsir al-Kassiyaf oleh Al-Zamakhshariy (2009). Kesemua kitab tafsir yang dirujuk adalah meliputi bahagian bahasa, balaghah, *sabab nuzul* dan *fiqh al-hayat*. Kedua-dua peringkat analisis Tafsir Tematik ini dapat dijelaskan dalam Rajah 1 di bawah:



Rajah1: Peringkat Analisis Tafsir Tematik

Dapatan

Dapatan analisis kajian Tafsir Tematik bagi konsep amalan kesantunan berbahasa dalam al-Quran dapat dijelaskan dalam dua peringkat. Peringkat pertama terdiri daripada taburan ayat-ayat konsep amalan kesantunan berbahasa. Terdapat 36 ayat dari 20 surah al-Quran yang berkaitan dengan konsep amalan kesantunan berbahasa yang dijumpai penyelidik. Ayat-ayat tersebut secara umumnya berkisar tentang konsep amalan kesantunan berbahasa. Ayat-ayat tersebut ialah ayat 83, 235, 256, 263 dan 268 surah al-Baqarah, ayat 159 dan 164 surah Ali'Imran, ayat 5,8,9,63 dan 86 surah al-Nisa`, ayat 54 surah al-Maidah, ayat 54 dan 108 surah al-An'am, ayat 71 surah al-Taubah, ayat 125 surah al-Nahl, ayat 23, 28 dan 53 surah al-Isra`, ayat 29 surah al-Kahf, ayat 44 surah Taha, ayat 63 surah al-

90

Cite as: Ku Zaimah Che Ali & Mardzelah Makhsin. (2019). Konseptualisasi Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut Al-Quran [Conceptualization of Politeness Practice According to Al-Quran]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(1), 81-101.

Furqan, ayat 46 surah al-Ankabut, ayat 19 surah Lokman, ayat 21 dan 70 surah al-Ahzab, ayat 33,34 dan 35 surah Fussilat dan ayat 18 surah Qaf. Jadual 1 di bawah menunjukkan taburan ayat-ayat al-Quran berkaitan Konsep Amalan Kesantunan Berbahasa.

Jadual 1: Ayat-ayat Konsep Amalan Kesantunan Berbahasa

Bil	Kedudukan Ayat	Bil	Kedudukan Ayat
1	al-Baqarah: 83	19	al-Nahl: 125
2	al-Baqarah: 235	20	al-Isra': 23
3	al-Baqarah: 256	21	al-Isra': 28
4	al-Baqarah: 263	22	al-Isra': 53
5	al-Baqarah: 269	23	al-Kahf: 29
6	Ali 'Imran: 159	24	Taha: 44
7	Ali 'Imran: 164	25	al-Furqan: 63
8	al-Nisa': 5	26	al-'Ankabut: 46
9	al-Nisa': 8	27	Luqman: 19
10	al-Nisa': 9	28	al-Ahzab: 21
11	al-Nisa': 63	29	al-Ahzab: 70
12	al-Nisa': 86	30	Fussilat: 33
13	al-Ma'idah: 54	31	Fussilat: 34
14	al-An'am: 54	32	Fussilat: 35
15	al-An'am: 108	33	Qaf: 18
16	al-Taubah: 71	34	al-Fath: 26
17	Ibrahim: 24	35	al-Fath: 29
18	al-Hijr: 88	36	al-Muzzammil: 10

Peringkat Kedua pula adalah kategori ayat mengikut tema dan subtema. Analisis tematik yang dilakukan menjelaskan bahawa terdapat empat tema utama konsep amalan kesantunan berbahasa melalui analisis terhadap 36 ayat-ayat al-Quran. Ayat-ayat tersebut ialah ayat 83, 235,256,263, 269 surah al-Baqarah, ayat 159 dan 164 surah Ali 'Imran, ayat 5,8,9,63 dan 86 surah al-Nisa', ayat 54 surah al-Ma'idah, ayat 54 dan 108 surah al-An'am, ayat 71 surah al-Taubah, ayat 24 surah Ibrahim, ayat 88 surah al-Hijr, ayat 125 surah al-Nahl, ayat 23,28,dan 53 surah al-Isra', ayat 29 surah al-Kahfi, ayat 44 surah Taha, ayat 63 surah al-Furqan, ayat 46 surah al-'ankabut, ayat 19 surah Luqman, ayat 21 dan 70 al-Ahzab, ayat 33, 34 dan 35 surah Fussilat, ayat 18, surah Qaf, ayat 26 dan 29 surah al-Fath dan ayat 10 surah al-Muzzammil. Empat tema konsep kesantunan berbahasa yang ditemui diuraikan dengan dua puluh enam subtema. Tema pertama ialah kedudukan amalan kesantunan berbahasa di dalam al-Quran yang diikuti oleh lima subtema. Subtema yang pertama ialah amalan kesantunan berbahasa adalah dituntut selepas tuntutan mentauhidkan Allah dan tuntutan berbuat baik terhadap ibu bapa, kaum keluarga dan sebagainya. Subtema yang kedua ialah kesantunan berbahasa itu ialah kebolehan berhikmah yang dianugerahkan Allah. Sementara subtema yang ketiga menerangkan bahawa amalan kesantunan berbahasa ialah rahmat dan anugerah dari Allah. Manakala subtema yang keempat pula menjelaskan bahawa amalan kesantunan berbahasa

merupakan lambang kesabaran dan kebijaksanaan. Subtema yang kelima menekankan bahawa setiap ucapan akan dikira dosa dan pahala.

Tema yang kedua dalam konsep amalan kesantunan berbahasa ialah tujuan amalan ini yang dinyatakan dalam al-Quran. Tema ini mengandungi dua tujuan iaitu amar ma'ruf dan nahi mungkar iaitu menyuruh melakukan perkara yang baik dan mencegah dari melakukan perkara yang buruk. Subtema yang kedua ialah dakwah kepada Allah, iaitu matlamat utama pelaziman amalan kesantunan berbahasa dalam Islam ialah menyeru manusia kepada menyembah dan mentauhidkan Allah SWT. Tema yang ketiga ialah melibatkan kandungan ucapan dalam amalan kesantunan berbahasa yang terdapat dalam al-Quran. Al-Quran bukan sahaja menganjurkan amalan kesantunan berbahasa, namun al-Quran meletakkan juga kandungan sesebuah ucapan yang mempunyai unsur kesantunan berbahasa. Tema ini mengandungi lima subtema. Subtema yang pertama ialah menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran. Selain bertujuan untuk menyuruh kebaikan dan mencegah keburukan, subtema ini juga menjadi kandungan ucapan dalam amalan kesantunan berbahasa. Ini bermaksud ucapan yang mempunyai unsur kesantunan mestilah mengandungi anjuran membuat perkara-perkara yang baik dan mengandungi tegahan dan larangan daripada membuat perkara-perkara yang buruk dan keji.

Subtema yang kedua ialah memohon keampunan bagi orang lain. Pelaziman terhadap amalan kesantunan berbahasa menganjurkan supaya manusia bukan sahaja sentiasa memohon ampun untuk diri sendiri, bahkan turut memohon ampun untuk orang lain seperti ibubapa, adik-beradik, kaum keluarga, jiran tetangga, sahabat handai dan seluruh muslimin dan juga muslimat. Subtema yang ketiga ialah memberi salam. Memberi salam adalah salah satu ucapan yang mempunyai unsur kesantunan berbahasa. Justeru ucapan salam sangat dianjurkan dalam Islam. Subtema yang keempat ialah doa. Antara kandungan ucapan yang dikatakan santun menurut al-Quran ialah doa. Justeru Islam sentiasa menganjurkan umatnya berdoa. Subtema yang kelima ialah memberi nasihat. Justeru nasihat adalah antara isi kandungan sebuah pengucapan yang mempunyai unsur kesantunan berbahasa. Tema yang keempat pula ialah kaedah amalan kesantunan berbahasa. Daripada penelitian terhadap ayat-ayat yang dipilih, tema ini dihuraikan dengan empat belas subtema. Subtema yang pertama ialah menggunakan perkataan yang baik. Al-Quran menganjurkan penggunaan perkataan yang baik sebagai kaedah dalam mengamalkan kesantunan berbahasa dalam interaksi.

Subtema yang kedua ialah mengamalkan amalan kesantunan berbahasa dengan semua lapisan manusia. Al-Quran menyuruh umatnya menyamaratakan amalan kesantunan berbahasa dengan semua lapisan masyarakat tanpa memilih status dan kedudukan. Subtema yang ketiga ialah berlembut dengan golongan mukmin. Al-Quran menganjurkan agar ucapan yang penuh dengan lemah lembut dan mesra digunakan ketika bermuamalah dengan orang-orang yang beriman. Subtema yang keempat ialah bertegas dengan golongan kafir. Berbeza dengan golongan mukmin, Al-Quran mengingatkan

supaya bersikap tegas ketika berkomunikasi dengan orang-orang kafir terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan aqidah. Subtema yang kelima ialah memulakan ucapan dengan aluan yang baik. Al-Quran menganjurkan adab ketika memulakan perbualan atau ucapan iaitu dimulakan dengan pendahuluan yang baik. Subtema yang keenam ialah tidak mencerca ibadat agama lain. Walaupun sikap bertegas dianjurkan ketika berkomunikasi dengan golongan kafir, namun Al-Quran melarang umatnya dari mencerca, menghina dan mengutuk amalan ibadat agama mereka.

Subtema yang ketujuh ialah merendah diri ketika berbicara. Al-Quran mensyaratkan amalan sikap merendah diri sebagai mekanisme ketika berinteraksi. Subtema yang kelapan ialah santun dengan lisan dan perilaku. Ketika bermuamalah, Al-Quran menganjurkan kesantunan bukan sahaja dengan lisan, bahkan juga dengan perilaku dan tindakan. Subtema yang kesembilan ialah berdebat dengan bahasa yang baik. Al-Quran mengajar umatnya supaya tetap menjaga adab kesantunan walaupun dalam situasi perdebatan atau mujadalah. Sementara subtema yang kesepuluh ialah berihisan dengan ibubapa. Berihisan dengan ibubapa adalah satu kaedah melazimi kesantunan berbahasa. Subtema yang kesebelas ialah menggunakan bahasa yang baik dengan golongan yang jahil. Al-Quran mengisyaratkan kesantunan berbahasa dengan semua lapisan manusia sama ada golongan cerdik pandai mahupun golongan yang jahil. Subtema yang kedua belas ialah bertegas dalam perkara aqidah. Dalam perkara yang melibatkan aqidah dan keimanan, Al-Quran mengingatkan umatnya agar bersikap tegas dan berpendirian utuh. Subtema yang ketiga belas ialah merendahkan suara ketika berbicara. Al-Quran menyatakan anantara kaedah kesantunan berbahasa ialah dengan merendahkan suara ketika berbicara. Sementara subtema yang keempat belas ialah mencontohi Rasulullah SAW. Dengan jelas al-Quran meletakkan kesantunan yang diamalkan oleh Rasulullah SAW sebagai contoh amali amalan murni ini.


Jadual 2 di bawah menunjukkan dapatan analisis tematik tema dan subtema konsep amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran.

Jadual 2: Dapatan Analisis Tematik Tema dan Subtema Konsep Amalan Kesantunan Berbahasa

Bil	Tema	Bil	Subtema	Ayat
1	Kedudukan Kbs dalam al-Quran	1	Tuntutan beramal selepas tuntutan tauhid dan ihsan	al-Baqarah: 83
		2	Amalan Kbs ialah hikmah yang dianugerahkan	al-Baqarah: 269
		3	Amalan Kbs ialah rahmat dari Allah	Ali 'Imran: 159
		4	Kbs lambang kesabaran dan kebijaksanaan	Fussilat: 35
		5	Setiap ucapan dikira dosa dan pahala	Qaf: 18
2	Tujuan Amalan Kbs	1	Amar ma'ruf dan nahi munkar	Al-Taubah: 71
		2	Dakwah kepada Allah	Fussilat: 33


3	Kandungan ucapan Kbs	1	Menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran	Al-Taubah: 71
		2	Memohon ampun bagi orang lain	Ali 'Imran: 159
		3	Memberi salam	al-Nisa': 86
		4	Berdoa	
		5	Memberi nasihat	al-Asr: 1-4
4	Kaedah Kbs	1	Menggunakan perkataan yang baik	al-Isra': 53
		2	Mengamalkan Kbs dengan semua manusia	al-Baqarah: 83
		3	Berlembut dengan golongan mukmin	al-Maidah: 54
		4	Bertegas dengan golongan kafir	al-Maidah: 54
		5	Mulakan bicara dengan aluan yang baik	al-Nisa': 86
		6	Tidak mencerca ibadat agama lain	Al-An'am: 108
		7	Merendah diri ketika berbicara	Al-Hijr: 88
		8	Santun dengan lisan dan perilaku	al-Nahl: 125
		9	Berdebat dengan bahasa yang baik	al-Nahl: 125
		10	Berihisan dengan ibubapa	al-Isra': 23
		11	Menggunakan bahasa yang baik dengan golongan yang jahil	al-Furqan: 63
		12	Bertegas dalam perkara aqidah	Al-'Ankabut: 46
		13	Merendahkan suara ketika berbicara	Luqman: 19
		14	Mencontohi Rasulullah SAW	al-Ahzab: 21

Hasil dapatan daripada analisis yang dilakukan juga dapat dijelaskan melalui Rajah 2 di bawah:



Rajah 2: Proses Dapatan Analisis Kajian


Analisis tematik yang dilakukan terhadap ayat-ayat al-Quran telah mengetengahkan konsep amalan kesantunan berbahasa. Menurut al-Quran, terdapat empat tema utama yang menjelaskan konsep ini iaitu kedudukan amalan kesantunan berbahasa, tujuan amalan kesantunan berbahasa, kandungan amalan kesantunan berbahasa dan kaedah amalan kesantunan berbahasa. Rajah 3 dapat menjelaskan dapatan ini.



Rajah 3: Tema Konsep Kesantunan Berbahasa Menurut Al-Quran


Hasil analisis menunjukkan dalam al-Quran telah dinyatakan panduan yang lengkap tatacara amalan kesantunan berbahasa. Bagi setiap tema dijelaskan tataranya dengan huraian subtema. Dalam Islam, tuntutan amalan kesantunan berbahasa menjadi tuntutan penting sehingga disebut selepas tuntutan mentauhidkan Allah, berihsan dengan ibubapa, berbuat baik kepada kaum keluarga, jiran tetangga, anak-anak yatim dan golongan miskin. Al-Quran menuntut umatnya supaya melazimi amalan kesantunan berbahasa dalam pergaulan seharian. Al-Quran turut menjelaskan bahawa amalan kesantunan berbahasa ialah satu anugerah pemberian Allah kepada orang-orang mukmin. Ini bermaksud, amalan kesantunan berbahasa adalah amalan orang-orang yang beriman. Orang-orang yang beriman melazimi amalan ini dan pelaziman serta istiqamah terhadap amalan ini membuktikan keimanan seseorang. Al-Quran juga menjelaskan bahawa amalan kesantunan berbahasa menunjukkan rahmat daripada Allah. Pelaziman terhadap amalan

kesantunan berbahasa merupakan anugerah kasih sayang Allah. Dapatan ini dijelaskan dalam Rajah 4.



Rajah 4: Kedudukan Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut Al-Quran

Al-Quran turut menjelaskan bahawa tujuan utama kesantunan berbahasa diamalkan adalah untuk menyeru manusia supaya beriman kepada Allah SWT. Di samping itu, amalan kesantunan berbahasa adalah bermatlamatkan amar ma'ruf dan nahi mungkar. Rajah 5 merumuskan penemuan ini.



Rajah 5: Tujuan Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut Al-Quran

Seterusnya dalam Islam, al-Quran meletakkan garis panduan kandungan ucapan dalam amalan kesantunan berbahasa. Apakah yang sepatutnya dibicarakan dalam ucapan yang dikatakan mempunyai unsur kesantunan berbahasa? Justeru al-Quran menjelaskan kandungan ucapan dalam amalan kesantunan berbahasa dengan menekankan bahawa ucapan tersebut mestilah mengandungi perkara-perkara yang merangkumi usaha untuk menyuruh melakukan kebaikan dan usaha-usaha untuk mencegah kemungkaran. Selain itu, al-Quran turut menganjurkan supaya umatnya sentiasa mendoakan orang lain, melazimi amalan salam, sentiasa berdoa dan melazimi amalan nasihat menasihati. Penelitian ini dapat diringkaskan dalam Rajah 6.



Rajah 6: Kandungan Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut Al-Quran

Al-Quran juga menerangkan bahawa terdapat kaedah tertentu bagi mengamalkan kesantunan berbahasa. Antaranya ialah menggunakan perkataan yang baik. Seterusnya al-Quran mengisyaratkan bahawa kesantunan berbahasa perlu diamalkan dengan semua lapisan manusia, tanpa mengira pangkat dan kedudukan, miskin dan kaya. Al-Quran mengingatkan supaya unsur-unsur kelembutan, kemesraan dan kasih sayang disulam di dalam hubungan sesama mukmin, namun al-Quran mengingatkan supaya unsur ketegasan diamalkan dalam hubungan dengan golongan kafir iaitu dalam perkara yang melibatkan aqidah. Begitu juga apabila berkaitan dengan hal aqidah, walaupun sesama muslim, Al-Quran meminta umatnya berbicara dengan tegas dan berpendirian. Walaupun begitu, ketika berbicara dengan golongan kafir, al-Quran melarang umatnya dari mencela ibadat agama mereka. Ketika berbicara, al-Quran menyuruh memulakan ucapan dengan aluan yang baik dan diikuti dengan sikap merendah diri, memperlahankan suara serta santun dan lembut

walaupun berbicara dengan orang-orang yang jahil. Ketika berlaku perdebatan, al-Quran menganjurkan agar menggunakan bahasa yang baik dan berlembut kecuali dalam perkara yang melibatkan aqidah. Al-Quran dengan jelas memerintahkan umatnya supaya berlaku ihsan dengan ibubapa baik dari segi perilaku mahupun tutur bicara. Ironinya, semua kaedah yang disebutkan di atas terdapat pada kesantunan berbahasa yang diamalkan oleh junjungan baginda nabi Muhammad SAW. Justeru al-Quran memerintahkan agar umatnya mencontohi baginda dalam melazimi amalan kesantunan berbahasa. Rumusan kepada dapatan dapat digambarkan dalam Gambarajah 7 di bawah:



Rajah 7: Kaedah Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut Al-Quran

Kesimpulan

Analisis tematik yang dilakukan terhadap ayat-ayat suci al-Quran, menemukan huraian terhadap konsep amalan kesantunan berbahasa. Penemuan ini membuktikan bahawa amalan kesantunan berbahasa adalah satu nilai yang sangat dianjurkan di dalam Islam. Anjuran ini telah lama mendahului mana-mana anjuran yang dikemukakan oleh sarjana di Timur mahupun di Barat. Al-Quran telah meletakkan unsur tauhid sebagai asas dalam melazimi amalan kesantunan berbahasa. Dalam erti kata lain, unsur keimanan adalah dasar kepada pelaksanaan dan pelaziman amalan murni ini. Seseorang muslim yang beriman pastinya mengamalkan kesantunan berbahasa. Amalan kesantunan berbahasa adalah amalan orang-orang yang beriman. Di samping itu, al-Quran menunjukkan bahawa Islam telah lama menggariskan panduan yang merangkumi tujuan, kandungan dan kaedah amalan kesantunan berbahasa. Lebih jelas lagi, anjuran amalan kesantunan berbahasa yang diwartakan di dalam al-Quran telah dipraktikkan oleh junjungan baginda Nabi Muhammad SAW. Justeru baginda adalah contoh bagi segala nilai akhlak yang terpuji. Penyelidik berharap agar sedikit singkapan yang dilakukan ini dapat mencetuskan idea dan pandangan kepada sarjana-sarjana lain yang mungkin lebih mampu untuk menyingkap ayat-ayat suci al-Quran supaya konsep amalan kesantunan berbahasa yang dibincangkan lebih jelas dan mendalam. Penyelidik juga berharap agar adanya usaha dari para sarjana untuk meneliti hadis-hadis Nabi Muhammad SAW bagi mengentengahkan konsep amalan kesantunan berbahasa seterusnya mengemukakannya sehingga dapat dijadikan asas kepada dasar mana-mana kajian yang berkaitan.

Rujukan

al-Quran al-Karim.

Abdul Rahman Nasir al-Sa'diy. (2002). *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Manan*. Riyadh: Maktabah Darussalam.

Arina Johari. (2016). Manifestasi Kesantunan Melayu Dalam Ujaran Memberi dan Meminta Nasihat. *GEMA ONLINE. Journal of Language Studies*, 16(2), June 2016: 73-94.

Asmah Omar. (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan Sariyan. (2009). Peranan Bahasa Dalam Pembinaan Insan dan Pembangunan Hadhari. *Jurnal Hadhari*, Bil. 1 (2009):1-29.

Brown, P., & Levinson, S. (1987). *Politeness: Some Universal in Language Usage*. Cambridge: Cambridge University Press.

al-Farmawiy, 'Abd al-Hayy. (1977). *Al-Bidayat fi al-Tafsir al-Mawdu'iy*. Kaherah, Mesir: al-Hadarat al-'Arabiyyat.

Goffman, E. (1963). *Behavior in Public Places*. New York: Free Press.

- Grice, H.P. (1975). Logic and Conversation. Dalam Cole, P., & Morgan, J. *Syntax and Semantics: Speech Acts*. New York: Academic Press, 41-58
- Gu, Yueo. (1990). "Politeness Phenomena in Modern Chinese" *Journal of Pragmatics* 14(2) April: 237-257.
- Abdul Malek Karim Amrullah. (2003). *Lembaga Budi, Perhiasan Insan Cemerlang*. Selangor: Pustaka Dini.
- Ibnu Kathir, al-Hafiz Abi Fida` Isma'il. (1999). *Tafsir Al-Quran al-'Azim*. Beirut, Lubnan: Dar al-Ma'rifat.
- al-Jazairiy, Abu Bakar Jabir. (2008). *Minhajul Muslim*. Terjemahan: Ensiklopedia Muslim: Fadhli Bahri. Jakarta: Daru Falah.
- al-Khalidiy, Salah 'Abd al-Fattah. (2001). *Al-Tafsir al-Mawdu'iy Bayn al-Nazariyyat wa Tatbiq Dirasat Nazariyyat wa Tatbiqiyyat Murafaqat bi Namazij wa Lata'if al-Tafsir*. 'Amman, Jordan: Dar al-Nafa'is.
- Kuang Ching Hei, Maya Khemlani David & Lau Su Kia. (2013). Politeness of Front Counter Staff of Malaysian Private Hospitals. *GEMA ONLINE. Journal of Language Studies* 13(1) February: 5-23.
- Leech, G. (1983). *The Principles of Pragmatics*. London: Longman.
- Mahmud al-Mishri. (2009). *Ensaiiklopedia Akhlak Muhammad SAW*. Jakarta: Pena Budi Aksara.
- al-Ma'iy, Zahir 'Awwad. (1983). *Dirasat fi al-Tafsir al-Mawdu'iy li Al-Quran al-Karim*. Riyad: Jami'at al-Imam Muhammad Sa'ud al-Islamiyyat.
- Marlyna Maros. (2012). Kesantunan Berbahasa dari Segi Teori dan Aplikasi. Dalam. *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar, Maslida Yusof (pnyt). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Matsumoto, Y. (1988). Reexamination of the University of Face. *Journal of Pragmatics*, 12: 403-426.
- Mohd. Nazeli Ahmad. (2009). Prinsip-prinsip Al-Quran Tentang Kesantunan Bahasa. *Pelita Bahasa*, Disember.
- Muhammad al-Ghazali. (1997). *Akhlak Seorang Muslim*. Selangor: Thinkers Library Sdn. Bhd.
- Munif Zariruddin Fikri Nordin. (2012). Analisis Wacana Prinsip Kesantunan Berbahasa Dalam Islam. Dalam. *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar, Maslida Yusof (pnyt). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muslim, Mustafa. (1997). *Mabahith fi al-Tafsir al-Mawdu'iy*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Nafon Hasjim. (2013). Kesantunan Berbahasa Dalam Islam. *Publikasi ilmiah.ums.ac.id*.
- Noriati A. Rashid. (2005). Konsep Kesantunan dalam Masyarakat Melayu. *Jurnal Antarabangsa Melayu* 3(1): 112-128.
- Noriati A. Rashid. (2012). Kesantunan-Menyingkap Konsep Melalui Model-modelnya. Dalam. *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar, Maslida Yusof (pnyt). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Qahtani, Said Ali. (2005). *Daei Yang Sukses*. Jakarta: Gema Insani.

- al-Qurtubiy Muhammad bin Ahmad. (1993). *Al-Jami' Li Ahkam Al-Quran*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Masriyyah.
- Ramlee Hamad. (1999). Implikatur Perbualan: Satu Analisis Konsep Kerjasama Dalam Pertuturan Bahasa Arab. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sara Beden, Indirawati Zahid. (2016). Pemetaan Struktur Peristiwa Bahasa: Komunikasi Bebas Konflik. *GEMA ONLINE Journal of Language Studies* 16(1), Februari: 67-87.
- al-Siddiqiy Al-Shafeiy, Muhammad Ibnu 'Allan. (1994). *Dalil al-Falihin li Turuq Riyad al-Solihin*. Beirut, Lubnan.
- Sofyan Sauri. (2003). Pengembangan Strategi Pendidikan Berbahasa Santun di Sekolah. *Jurnal Mimbar pendidikan*, No 1/XXII/2003: 45-53.
- al-Suyûti, Jalâl Al-Din. (1985). *Al-Itqân Fî 'Ulûm Al-Qur'ân*. Kairo: Dâr Al-Turâth.
- al-Suyutiy, Jalal al-Din "Abd al-Rahman. (1993). *Al-Al-Durr al-manthur fi Tafsir al-Ma'thur*. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr li al-Taba'at wa al-Nasy wa al-Tawzi'.
- Syukri Hanafi. (2015). Tasawwur pembangunan dalam Islam: Tafsir maudu'iy. Tesis Dr. Falsafah, Universiti Sains Malaysia.
- al-Tabariy, Abi Jaafar Muhammad bin Jarir. (2000). *Tafsir al-Tabariy al-Musamma Jami' al-Bayan fi al-Ta'wil al-Quran*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Watts, R.J. (2003). *Politeness*. Cambridge: Cambridge University Press.
- al-Zamakhsyariy, Mahmud Bin Omar. (2009). *Tafsir al-Kassyaf 'an Haqaiq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Tanzil*. Dar al-Ma'rifah.
- Zena Moayad Najeeb, Marlyna Maros, Nor Fariza Mohd Nor. (2012). Politeness In E-Mails of Arab Students in Malaysia. *GEMA ONLINE Journal of Language Studies* 12(1), Special Section 2012: 125-145.
- al-Zuhaili, Wahbah Ibn Mustafa. (1991). *Al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*. Damascus: Dar al-Fikr al-Mua'sir.